

**KEY POINT**  
**MAJLIS APRESIASI ALUMNI DAN GRADUAN IPTK**  
**TAHUN 2023**  
3 NOVEMBER 2023  
4.00 PETANG  
HOTEL AMES

Terima kasih saudara/saudari pengacara majlis

**Yang Berusaha Prof. Dr. Ahmad Zaki bin A Bakar**  
Dekan Institut Pengurusan Teknologi dan  
Keusahawanan



**Yang Berusaha Prof. Madya Dr. Samer Alu Hussein Al Shami**  
Timbalan Dekan Institut Pengurusan Teknologi dan  
Keusahawanan

Penyelaras-penyelaras IPTK

Staf-staf IPTK

Serta barisan alumni dan bakal graduan IPTK yang diraikan sekalian.

Assalamualikum WBT dan Salam Sejahtera  
Salam Malaysia Madani  
Salam UTeMku Sayang Menjajar Universiti Melonjak ke  
Hadapan

1. Alhamdulillah, saya memanjatkan kesyukuran ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah kurnia dan keizinanNya juga, kita diberi kesempatan untuk hadir bersama di Majlis Apresiasi Alumni dan Graduan IPTK tahun 2023 pada petang ini.
2. Setinggi-tinggi tahniah saya ucapkan kepada IPTK kerana menganjurkan majlis seumpama ini yang merupakan satu inisiatif yang baik kerana ia memberi peluang kepada alumni dan bakal graduan untuk berkumpul bersama dan meraikan kejayaan yang telah berjaya diperoleh.
3. Saya dimaklumkan bahawa jumlah graduan dari IPTK yang akan berkonvo pada tahun ini adalah seramai 35 orang yang terdiri daripada 5 orang pelajar tempatan dan 30 orang pelajar antarabangsa.
4. Bilangan ini merupakan satu pencapaian yang membanggakan dan saya percaya dengan usaha yang lebih progresif dan berterusan, jumlah ini akan dapat dipertingkatkan dari tahun ke tahun. Ini adalah bergantung kepada bilangan pelajar yang mendaftar

dan juga berjaya menamatkan pengajian di mana ianya merupakan usaha sama daripada pelbagai pihak di UTeM terutama pensyarah yang juga merupakan penyelia kepada pelajar.

5. Saya juga turut dimaklumkan pada sesi konvokesyen kali ini, terdapat seorang pelajar antarabangsa muda dari UAE yang juga merupakan seorang juruterbang (Pilot) bagi syarikat Etihad Airways yang akan bergraduasi iaitu **Mohamed Fuad Mohamed Hassan Abdulla**. Ini membuktikan bahawa graduan UTeM adalah terdiri daripada mereka yang mampu untuk menempa nama di syarikat-syarikat besar antarabangsa.

6. Kejayaan yang diperoleh membuktikan UTeM menjadi buruan industri dalam dan luar negara. Saya percaya terdapat banyak lagi alumni-alumni UTeM di luar sana yang telah berjaya di bidang yang mereka ceburi. Sebagai contoh **Yang Berhormat Datuk Ewon Benedick yang merupakan Menteri Pembangunan dan Koperasi**.

7. Saya juga ingin mengambil kesempatan ini menyeru kepada semua untuk teruskan berhubungan dengan UTeM melalui **Persatuan Alumni UTeM** seterusnya menyumbang kepada **tabung waqaf endowmen UTeM**. Sumbangan daripada anda semua adalah sangat diperlukan dan dihargai dalam memastikan kesarjanaan ilmu di UTeM dapat diteruskan.

8. Sebelum mengakhiri ucapan, sekali lagi saya ingin mengucapkan terima kasih dan tahniah kepada IPTK di atas penganjuran majlis pada petang ini.
9. Tahniah juga kepada bakal graduan semua yang akan bergraduasi pada hari esok.

Saya sudahi ucapan dengan Wabillahitaufik Walhidayah  
Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

